

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Hospital bersiap sedia hadapi kemungkinan mogok doktor kontrak

Oleh Zanariah Abd Mutalib
dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengarah Kesihatan negeri dan hospital di seluruh negara diarah berada dalam keadaan berjaga-jaga bermula hari ini, sebagai persediaan sekiranya kumpulan doktor kontrak meneruskan rancangan mengadakan mogok.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pemantauan akan dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM) di fasiliti kesihatan bagi

memastikan perkhidmatan berjalan seperti biasa.

"Dari segi pelan kecemasan, kita buat juga pemantauan dan pengarah kesihatan negeri serta hospital dalam mod berjaga-jaga," katanya kepada *BH*, semalam.

Doktor kontrak merancang melakukan mogok selama tiga hari di seluruh negara bermula hari ini, susulan dikatakan kecewa dan tekanan dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Nasional 6



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Isu MA63

4 kementerian diarah segera muktamad urusan

Kuching: Jawatankuasa Teknikal Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) meminta empat kementerian supaya mempercepatkan urusan memuktamadkan semua perkara diputuskan secara dasar menerusi rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Sabah dan Sarawak.

Empat kementerian itu adalah Kewangan; Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim; Kementerian Pendidikan serta Kementerian Kesihatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, semua urusan itu perlu diselesaikan sebelum dibawa ke mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 (MTPMA63) dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Selepas itu, ia akan dibawa ke Dewan Rakyat pada Mei ini untuk beberapa pindaan.

"Kita sudah panggil semua wakil kementerian yang ada hubung kait dengan perkara MA63 dan meminta mereka mempercepatkan segala urusan berkait-

tan kementerian masing-masing.

"Kementerian Kewangan misalnya, perlu membentangkan pindaan undang-undang di Parlimen supaya pelantikan ahli Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dari Sarawak dan Sabah turut dimasukkan.

"Secara pentadbiran memang ia sudah dilaksanakan dan wakil Sarawak serta Sabah sudah pun dilantik, tetapi dari segi perundangan belum lagi. Jadi perlu dipinda pada persidangan Dewan Rakyat pada Mei ini," katanya di sini.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MA63 berkata demikian selepas Program Moreh Santai Bersama Pemuda Parlimen Petra Jaya di Nekgo's Place, Jalan Matang, di sini, malam kelmarin.

Fadillah berkata, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pula perlu memuktamadkan dengan kerajaan Sarawak dan Sabah berhubung isu tanah negeri yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan,

tetapi tidak dibangunkan.

"Ini berikutan dasar sekarang menetapkan jika tanah yang sudah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan itu tidak dibangunkan dalam tempoh lima tahun, ia perlu dikembalikan kepada kerajaan negeri.

"Jika agensi Kerajaan Persekutuan tetap mahu menggunakan tanah itu, mereka perlu memberi justifikasi kenapa tanah itu tidak perlu dikembalikan kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak," katanya.

Beliau berkata, banyak tanah yang sudah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan tidak dibangunkan dengan yang dikenal pasti akan dikembalikan, iaitu masing-masing tiga di Sarawak dan dua di Sabah.

Fadillah yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi berkata, bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan pula rundingan berhubung urusan hal ehwal pentadbiran perlu dimuktamadkan sama ada ia boleh diserahkan sepenuhnya kepada Sarawak dan Sabah.



Fadillah ditemui pemberita selepas program Moreh Santai bersama Pemuda Parlimen Petra Jaya di Kuching, malam kelmarin.

(Foto Nadim Bokhari/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Doktor rancang mogok perlu miliki belas ihsan kepada pesakit

Pegang sumpah taat setia, beri ruang kerajaan cari jalan penyelesaian

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Doktor kontrak yang merancang untuk mogok selama tiga hari bermula hari ini, diminta berpegang kepada etika kedokteran atau 'Hippocratic Oath' yang menuntut mereka mendahulukan dan memiliki belas ihsan terhadap pesakit.

Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata perkara utama yang disebut dalam sumpah taat setia atau 'Hippocratic Oath' adalah mengutamakan mereka yang sedang dilanda kesusahan, mempunyai sikap belas ihsan dan bertimbang rasa.

"Sebagai doktor, kita berpegang dan mengamalkan prinsip yang disebut dalam 'Hippocratic Oath'.

"Mogok bukan tidak boleh dilakukan, tetapi jangan menyusahkan orang lain seperti pesakit dan rakan sekerja sehingga boleh membawa kepada kemudharatan," katanya kepada BH di sini, semalam.

'Hippocratic Oath' adalah ungkapan perubatan terawal di Barat yang mewujudkan beberapa prinsip etika perubatan penting

dalam dunia perubatan hari ini. Sumpah itu dilafazkan oleh doktor muda dengan penuh keikhlasan, keazaman dan belas ihsan, sejurus menamatkan pendidikan.

Kumpulan yang menggelar diri mereka 'Mogok Doktor Malaysia' menerusi akaun Instagram mendakwa, 'Hippocratic Oath' terpakai apabila doktor dilayan dengan kemanusiaan sambil menyatakan kenyataan itu ditujukan kepada ahli politik dan Kementerian Kesihatan (KKM).

Tidak bertanggungjawab

Dr Zainal Ariffin yang juga bekas Pengarah Kesihatan Pahang dan Tokoh Kesihatan Awam berkata, adalah tidak bertanggungjawab apabila seorang doktor merancang mengambil cuti sakit (MC) atau cuti kecemasan (EL) secara sengaja.

"Bukan doktor tidak boleh mengambil MC, tetapi apabila disengajakan, ramai terkesan dan mengganggu sistem penjagaan kesihatan, maka secara etikanya, ini tidak betul," katanya.

Dr Zainal Ariffin turut menasihati doktor yang mahu menyertai mogok itu supaya membatalkan hasrat mereka kerana kesan yang besar boleh berlaku di sebuah hospital.

"Jika 30 peratus doktor di sebuah hospital mogok seperti dirancang, ia boleh membawa kesan yang teruk dan besar di situ.

"Isu yang diperjuangkan ini sudah lama dan saya yakin kerajaan juga berusaha menyelesaikannya, cuma perlukan masa.

"Kerajaan juga sudah menubuhkan jawatankuasa. Saya berharap semua pihak memberi ruang untuk kerajaan mencari pe-

Rancangan mogok doktor kontrak bukan penyelesaian

Keratan akhbar BH semalam.

nyelesaian," katanya.

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) berpandangan kerajaan perlu diberi peluang dan masa menyelesaikan kemelut doktor kontrak yang menuntut status pengambilan tetap.

Bekas Pengerusi Bahagian Pelatih, Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan (SCHOMOS) MMA, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata mogok dilihat tidak akan berhasil, malah merisikokan pesakit yang memerlukan rawatan.

"Kerajaan perlu sedar masalah dihadapi doktor kontrak penting dan setiap doktor perlu dijaga sebaiknya, namun doktor perlu mengetahui tanggungjawab untuk tidak membahayakan pesakit," katanya.

Bukan doktor tidak boleh mengambil MC, tetapi apabila disengajakan, ramai terkesan dan mengganggu sistem penjagaan kesihatan, maka secara etikanya, ini tidak betul

Zainal Ariffin Omar,
Penasihat Pertubuhan Kesihatan Awam Malaysia

Beliau berkata, mogok tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya kesan buruk akan berlaku kepada sistem penjagaan kesihatan.

"Mungkin ada yang berasa boleh ke hospital swasta apabila mogok berjalan, namun realitinya mereka tidak akan ke hospital kerajaan sekiranya mampu ke sana," katanya.

Di Georgetown, tindakan mogok di seluruh negara yang dirancang dilakukan kumpulan doktor kontrak bukan penyelesaian terbaik kepada sebarang masalah yang timbul mengenai profesion pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional lain.

Jejas perkhidmatan kesihatan

Susulan itu, Persatuan Alumni Doktor Universiti Sains Malaysia (PADU) tidak menyokong tindakan mogok oleh kumpulan doktor kontrak termasuk membabitkan graduan perubatan daripada universiti itu.

Presidennya, Prof Datuk Dr Jafri Malin Abdullah, berkata penganjuran mogok boleh menjejaskan perkhidmatan kesihatan

walaupun bermatlamat mahu menyampaikan mesej tertentu kepada pihak berkenaan.

Pihaknya menyedari isu doktor kontrak sejak sekian lama dan mengakui permasalahan mengenainya menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat, terutama pihak yang terkesan.

Bagaimanapun, katanya, kepentingan umum perlu diambil kira.

"Kita sedar kebanyakan doktor kontrak merungut tiada hala tuju laluan kerjaya, selain sistem kontrak ditawarkan masih tidak jelas dan tiada ketelusan.

"Kita juga sering mendengar luahan dan menerima aduan lebihan kerja kerana beban pesakit yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja.

"Kita harap KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meneliti semula elan sistem tugas atas panggilan dan keperluan serta kepentingan meneruskan sistem tugas atas panggilan ini dengan sewajarnya demi kebaikan kakitangan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Jafri berkata, perkhidmatan kesihatan di negara ini perlu dianggap sebagai sektor kritikal disebabkan kompleksitinya dan cabaran, risiko serta kesusahan dihadapi petugas.

"PADU mengesyorkan JPA meneliti semula pembatalan biasiswa untuk pelajar perubatan kerana ia memberi kesan kepada pelajar perubatan terutama penuntut golongan B40.

"Kita percaya kerajaan akan memastikan segala permasalahan dan permintaan ini diteliti dan diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kemampuan ekonomi negara," katanya.

'Penjawat awam tak boleh sertai perhimpunan haram'

Dari Muka 1

Melalui akaun Instagram 'Mogok Doktor Malaysia' setakat semalam, mereka merancang meneruskan mogok berkenaan dengan mengambil cuti sakit dan cuti kecemasan, tetapi tidak membabitkan perhimpunan.

Dr Zaliha menegaskan, pihaknya memahami kesukaran dialami golongan berkenaan, namun mogok bukan penyelesaian.

"KKM ada mengeluarkan peringatan kepada doktor dan in-

gatkan mereka mengenai kepentingan perkhidmatan kesihatan," katanya.

Ditanya sama ada KKM akan mengambil tindakan terhadap doktor kontrak yang terbabit dalam mogok berkenaan, Dr Zaliha menjawab: "Mereka tertakluk kepada integriti penjawat awam dan etika perkhidmatan awam."

Peringatan yang dikeluarkan KKM terhadap penjawat awam supaya tidak menyertai mana-mana perhimpunan haram adalah selaras Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam bertarikh 30 Jun 2011.

Surat itu kembali disiar di Facebook KKM dengan Unit Integriti Kementerian itu menyatakan pembabitkan penjawat awam dalam perhimpunan haram adalah melanggar Peraturan 4 (1) dan 4(2), P.U.(A) 395/1993.

Surat edaran berkenaan dikongsi susulan rancangan kumpulan doktor kon-



Dr Zaliha Mustafa

trak melakukan mogok bermula hari ini hingga Rabu, dengan mengesahkan mengambil cuti sakit atau cuti kecemasan.

Langkah protes

Langkah itu adalah protes terhadap sistem tidak adil dan gaji rendah dalam sektor penjagaan kesihatan awam.

Kumpulan itu juga memberi amaran kira-kira 3,000 doktor kontrak akan meletak jawatan

dari KKM secara berperingkat.

Surat edaran atau garis panduan oleh Unit Integriti turut memperincikan bentuk perhimpunan haram yang antaranya bermakna menggunakan masa pejabat atau meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai perhimpunan.

Bentuk perhimpunan haram itu juga termasuk menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak, mesin penyalin komputer untuk mencetak atau mengedarkan risalah berkaitan perhimpunan haram.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

'Mogok diteruskan, kami hilang kepercayaan terhadap KKM'

Kuala Lumpur: Doktor kontrak yang merancang untuk mengadakan mogok selama tiga hari, bermula hari ini, tidak berganjak daripada keputusan mereka untuk meneruskan tindakan itu.

Bercakap kepada *BH*, jurucakap kumpulan yang dikenali sebagai Mogok Doktor Malaysia di Instagram itu, mendakwa seramai 10,000 hingga 12,000 petugas kesihatan akan me-

nyertai mogok berkenaan.

Jurucakap itu yang dikenali sebagai Dr Jamal berkata, mereka tidak akan hadir bertugas selama tiga hari, dengan mengambil cuti sakit atau cuti kecemasan.

Katanya, mereka tidak akan mengadakan sebarang perhimpunan beramai-ramai atau demonstrasi kerana ia dikatakan akan digunakan oleh ahli politik sebagai dakwaan untuk

menghukum mereka.

"Kami sudah hilang kepercayaan terhadap Kementerian Kesihatan (KKM) dan ahli politik yang menabur janji palsu.

"Doktor kontrak ialah pekerjaan mulla, bukan kuli," katanya, semalam.

Keluar notis awal

Ditanya sama ada mereka tidak bimbang jika berdepan tinda-

kan akibat mogok berkenaan, Dr Jamal berkata, tiada tindakan akan diambil jika doktor kontrak mengambil cuti sakit atau cuti kecemasan.

Mengenai perkhidmatan kepada pesakit yang mungkin akan terjejas jika mereka tidak hadir bertugas, Dr Jamal berkata, pihaknya sudah mengeluarkan notis awal supaya orang awam tidak datang ke fasiliti kerajaan, sebaliknya di-

saran mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta.

"Kami berharap orang awam tidak pergi ke hospital kerajaan dan sebab itu, kami sudah mengeluarkan notis awal kepada semua.

"Jika ada apa-apa kematian disebabkan rawatan yang lewat, kami tidak akan mengambil sebarang tanggungjawab kerana kami tidak bekerja pada tiga hari berkenaan," katanya.

Jawatankuasa Peringkat Tertinggi menangani isu doktor kontrak

Menteri, KSN bincang penubuhan

Gerakan Hartal Doktor Kontrak mahu wakil dalam jawatankuasa

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata beliau akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berhubung penubuhan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak.

Beliau berkata, jawatankuasa

berkenaan memerlukan pembabitkan beberapa kementerian dan jabatan.

"Sudah tentu Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan kemungkinan Kementerian Ekonomi perlu turut serta," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Dr Zaliha memaklumkan, kerajaan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak yang menjadi topik hangat dalam negara ketika ini.

Katanya, persetujuan itu dicapai Jemaah Menteri, Jumaat lalu dan jawatankuasa berkenaan akan menggabungkan beberapa kementerian dan agensi, terma-

suk membabitkan Mohd Zuki.

Kenyataan itu dibuat ketika doktor kontrak merancang melakukan mogok selama tiga hari kerana dikatakan kecewa dan tertekan dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

Melalui akaun Instagram, Mogok Doktor Malaysia, setakat semalam, mereka merancang untuk meneruskan mogok berkenaan, dengan mengambil cuti sakit dan cuti kecemasan, serta tidak membabitkan sebarang perhimpunan.

Pembabitkan doktor muda

Sementara itu, Gerakan Hartal Doktor Kontrak (HDK) menggesa kakitangan di lapangan hospital, termasuk doktor muda disertakan dalam Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang ditubuhkan

kerajaan bagi menangani isu doktor kontrak.

Wakil HDK berkata, langkah itu perlu dilakukan memandangkan jawatankuasa dan perbincangan sudah diwujudkan sebelum ini.

Katanya, sekiranya perkara itu tidak dilakukan, penyelesaian yang bersesuaian dengan doktor kontrak tidak akan terjadi seterusnya mengakibatkan kemelut itu berlanjutan.

"Jawatankuasa ini perlu membabitkan pegawai pada peringkat tertinggi, iaitu mereka yang boleh membuat keputusan. Sekiranya Ketua Setiausaha Negara (KSN) berada di sana, begitu juga Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

"Doktor muda termasuk daripada HDK juga perlu disertakan.

Tiada guna keputusan untuk kumpulan doktor muda diputuskan tanpa pembabitkan dan persetujuan mereka," katanya kepada *BH*, semalam.

Katanya, ketika ini kumpulan doktor muda sendiri berasa was-was dengan penubuhan jawatankuasa baharu itu memandangkan sudah diwujudkan jawatankuasa sedemikian, sebelum ini.

"Jawatankuasa selepas jawatankuasa diwujudkan, tetapi masih belum ada penyelesaian. Kita berharap ia diputuskan dengan tindakan tetap diambil.

"Isu ini sudah berlanjutan sudah tujuh tahun, iaitu sejak 2018 dan kita berharap keputusan serta penyelesaian ada dengan kewujudan jawatankuasa ini," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Pelaksanaan cukai ke atas penjualan cecair vape e-rokok

Harga cecair vape dijangka naik hingga RM15 sebotol

Peniaga akur penentuan harga ditetapkan pembekal

Oleh Suraya Roslan
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan cukai cecair vape menyebabkan peniaga dijangka menaikkan harga bahan utama rokok elektronik itu (e-rokok) antara RM10 hingga RM15 sebotol.

Bermula kelmarin, kerajaan melaksanakan cukai penjualan cecair vape untuk e-rokok pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml).

Pemilik kedai vape di Setia Alam, Azman Wahab, berkata setakat ini dia belum menerima maklumat daripada pembekal cecair vape berhubung kenaikan harga.

"Namun, kenaikan harga sudah dijangka dan kami anggar akan antara RM10 hingga RM15 bergantung kepada saiz botol berapa ml.

"Kenaikan biasanya akan ditentukan oleh pembekal cecair vape dan peniaga hanya mengikut harga berkenaan," katanya.

Ditanya bagaimana maklum balas pelanggan, Azman berkata, berikutan pengumuman kelmarin, kebanyakan pelanggan masih tidak mengetahui mengenai



Tinjauan BH mendapati pemilik akur kenaikan harga susulan pelaksanaan cukai cecair vape pada kadar 40 sen setiap mililiter. (Foto Aswadi Alias/BH)

kenaikan itu.

"Bagaimanapun, peniaga akan tampil notis kenaikan disebabkan cukai," katanya yang sudah mengendalikan perniagaan itu selama empat tahun.

Pelanggan merungut

Bagi peniaga vape di Lembah Jaya Selatan, Muhammad Alif Iq-

wan Badrul Hisham, sebotol cecair vape isi padu 30ml sebelum ini berharga RM35. Bagaimanapun, selepas dikenakan cukai, saiz sama berharga RM45, iaitu berlaku kenaikan RM10.

"Ini semua harga dikenakan oleh pembekal cecair vape dan peniaga harus akur serta makan untung sedikit sahaja," katanya.

Menurutnya ada pelanggan sudah mengadu kenaikan harga itu terlampau tinggi dan mungkin pengguna kembali semula kepada rokok.

"Kami akan tampil notis kenaikan harga dan kemas kini di media sosial untuk makluman pelanggan," katanya.

"Sudah pasti pihak pembekal akan menaikkan harga cecair dan peranti, jadi pemilik terpaksa menaikkan harga jualan kepada pengguna.

"Mungkin ada pembekal sudah mula menaikkan harga hari ini (semalam), mungkin juga ada pembekal masih tunggu dahulu untuk menaikkan harga," katanya.

Mulai semalam kerajaan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk e-rokok pada kadar 40 sen setiap ml.

Pelaksanaan cukai itu diumumkan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan.

Sementara itu, warta dikeluarkan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin kini dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

Pengecualian itu terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin yang didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Cukai vape tampung penyusutan kutipan hasil rokok

Kuala Lumpur: Cukai ke atas vape adalah langkah baik dalam usaha mengurangkan ketirisan hasil pendapatan kerajaan daripada jualan rokok biasa yang kini berkurangan susulan kehadiran peranti vape.

Setiausaha Agung Majlis Penyalahgunaan Bahan Malaysia (MASAC), Raja Azizan Suhaimi, berkata vape sudah lama berada dalam pasaran dan pengenalan cukai itu mampu mendapatkan semula cukai rokok yang menyusut kesan lambakan vape di pasaran.

"MASAC berharap apabila Rang Undang-Undang (RUU) baharu yang akan mengawal selia semua produk merokok, termasuk bahan merokok mengandungi nikotin dibentangkan di Parlimen pada Mei ini, ada seksyen yang hanya membenarkan penggunaan peranti vape dalam kalangan pengguna berusia 18 tahun dan ke atas.

"Ia bagi memastikan belia dan pelajar bawah umur itu tidak terbelat dengan penggunaan vape," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

KKM dilapor akan membentangkan RUU baharu untuk kawal selia semua produk merokok, termasuk bahan merokok yang mengandungi nikotin digunakan untuk tujuan merokok.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan berkata, pembentangan RUU itu adalah bagi memastikan wujud kawalan menyeluruh terhadap sediaan nikotin atau gel mengandungi nikotin dalam cecair rokok elektronik atau vape.

Katanya, KKM meletak sasaran membentangkan RUU baharu ini dengan segera pada sidang Dewan Rakyat, Mei ini.

Raja Azizan berkata, MASAC sedia menghantar seorang pegawai dalam kalangan exco menganggotai Lembaga Racun Negara untuk membantu dalam perkara itu.

"Usaha berani kerajaan ini harus diimbangi dengan menambah perjawatan sama ada kontrak atau tetap kepada agensi pelaksana berkait dadah dan nikotin.

"Ini seperti inspektor kesihatan, pegawai rendah polis Narkotik, pegawai rendah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pegawai rendah Maritim Malaysia dan pegawai rendah Jabatan Kastam.

"Langkah ini bagi memastikan perundangan baharu itu mampu dilaksanakan dengan berhemah oleh agensi sedia ada dengan kekangan dan beban tugas kini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : LOKAL

Oleh Wartawan NSU
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 3,000 doktor kontrak bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dijangka meletak jawatan bulan ini selepas menerima keputusan temu duga jawatan tetap.

Jurucakap Mogok Doktor Malaysia memberitahu New Sunday Times (NSU) sebanyak 87 peratus doktor kontrak tidak ditawarkan jawatan tetap.

Dakwanya, mereka akan kekal dengan jawatan kontrak dan dinafikan hak untuk mendapat banyak faedah termasuk pensen.

Katanya, gaji mereka lebih rendah antara RM1,000 hingga RM2,000 sebulan berbanding doktor berjawatan tetap walaupun tanggungjawab mereka sama.

"Doktor kontrak tidak layak untuk program sarjana. Tiada kriteria jelas dan telus untuk pemilihan jawatan tetap. Mereka (doktor kontrak) tiada cuti belajar dan cuti tanpa gaji. Ada banyak faedah dinafikan," katanya. Sebelum ini, NSU melaporkan Mogok Doktor Malaysia merancang untuk melakukan mogok selama tiga hari bermula hari ini hingga Rabu ini.

Isa sebagai memberi amaran kepada orang ramai tentang masa menunggu lebih lama di hospital dan klinik kerajaan pada tarikh itu.

"Rakyat Malaysia, jangan lawat (pergi) mana-mana hospital besar atau klinik kesihatan (klinik kesihatan awam) dari 3 hingga 5 April (2023) kerana lebih 8,000



DOKTOR kontrak mendakwa dinafikan hak untuk mendapat banyak faedah serta pensen.

KEMELUT DOKTOR KONTRAK KKM

3,000 bakal letak jawatan

doktor kontrak mogok dengan ambil cuti perubatan atau kecemasan sebagai protes sistem tidak adil.

"Masa menunggu anda lebih lama berbanding biasa," kata Mogok Doktor Malaysia dalam akaun Instagram.

Isa mendakwa beberapa *Napoleons* di jabatan hos-

pital membekukan cuti tahunan dan hari cuti pada tarikh berkenaan untuk menghalang doktor kontrak menyertai mogok itu.

Bagaimanapun, jurucakap itu berkata, doktor yang terbabit akan menyertainya walaupun diberi amaran.

Kumpulan itu menuntut

penyerapan pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap, kenaikan gaji pokok, kadar *on-call* lebih tinggi dan pengurangan automatik dalam tempoh perkhidmatan wajib bagi pegawai perubatan kepada tiga tahun.

Isa juga menyeru pengurangan dalam *on-call* dan

waktu bekerja untuk pegawai perubatan dan *house officers* dan kekurangan pakar untuk ditangani.

"Menurut memorandum kami, kami dapat gaji rendah selama lebih daripada 20 tahun, serendah RM9 sejam untuk *on-call* yang mengerikan kami dan kerajaan merancang menghapuskan elaan kritikal kami sebanyak RM750 sebulan.

"Tolong layan doktor kontrak seperti manusia sebelum menuntut kami bekerja. Kami mengorbankan nyawa ketika pandemik.

"Tetapi sekarang kami dilupakan oleh Menteri Kesihatan dan orang awam," kata jurucakap itu.

Usah sertai mogok haram

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkongsi semula Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan pada 2011 sebagai peringatan kepada kakitangan awam supaya tidak menyertai mana-mana perhimpunan haram.

Surat yang bertarikh 30 Jun 2011 itu kembali disiarkan di Facebook KKM dengan Unit Integriti Kementerian itu menyatakan pembabitkan penjawat awam dalam perhimpunan haram adalah melanggar Peraturan 4(1) dan 4(2), P.U.(A) 395/1993.

Surat edaran itu seperti 'ditujukan' secara terus kepada kumpulan mendorong doktor kontrak melakukan mogok pada Isnin hingga Rabu ini dengan menggesa pegawai perubatan itu mengambil cuti perubatan atau cuti kecemasan sebagai protes terhadap sistem tidak adil dan gaji rendah dalam sektor penjagaan kesihatan awam.

Surat edaran atau garis panduan memperincikan bentuk perhimpunan haram yang antaranya bermakna menggunakan masa pejabat atau meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai perhimpunan.

Bentuk perhimpunan haram termasuk menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak, mesin penyalin komputer untuk mencetak atau mengedarkan 'risalah' berkaitan perhimpunan haram.

Dalam pada itu, Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa memaklumkan Jemaah Menteri bersetuju menubuhkan Jawatan Kuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak yang hangat kebelakangan ini.

Beliau berkata, persetujuan itu dicapai Jemaah Menteri kementerian yang mana menggabungkan beberapa kementerian dan agensi termasuk membabitkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Perkara itu dinyatakan melalui kenyataan, kelmarin susulan desas-desus kemungkinan mogok oleh doktor kontrak, hari ini sehingga Rabu ini.

Georgetown: Persatuan Alumni Doktor Universiti Sains Malaysia (Padu) tidak menyokong mogok oleh doktor kontrak termasuk membabitkan graduan perubatan dari universiti itu.

Presidennya, Profesor Datuk Dr Jafri Malin Abdullah berkata, tindakan mogok bukan penyelesaian terbaik kepada sebarang masalah berkaitan profesion pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional lain.

"Menganjurkan mogok secara amnya boleh menyebabkan perkhidmatan terjejas selama mana tempoh pengajuran dan biasanya ia bertujuan menyampaikan mesej tertentu kepada pihak berkenaan.

"Tetapi perkara ini perlu ditimbang dengan teliti memandangkan perkhidmatan kesihatan kritikal terutamanya membabitkan

Padu letak harapan tinggi pada kerajaan



Menganjurkan mogok secara amnya boleh menyebabkan perkhidmatan terjejas selama mana tempoh pengajuran"

Dr Jafri

kehidupan manusia dan kesejahteraan sejagat," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Kelmarin media melaporkan doktor kontrak di seluruh negara tetap meneruskan rancangan mogok bermula esok hingga Rabu ini meskipun selepas jemaah Kabinet bersetuju menubuhkan Jawatankuasa

Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak pada Jumaat lalu.

Dr Jafri berkata, pihaknya menyedari isu doktor kontrak berlaku sejak lama dan mengakui permasalahan berkisar doktor kontrak menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat terutama kepada pihak terkesan.

"Kebanyakan doktor kontrak merungut tiada hala tuju laluan kerjaya, selain sistem kontrak ditawarkan masih tidak jelas dan tiada ketelusan dengan kita sering dengar luahan serta menerima aduan lebih kerja kerana beban pesakit yang tinggi dan kekurangan tenaga kerja.

"Perkhidmatan kesihatan perlu terus dianggap sebagai sektor kritikal begitu ju-

ga bagi petugas kesihatan dan ini disebabkan kompleksiti sektor ini serta cabaran, risiko dan jerih perih yang perlu dihadapi anggota kesihatan," katanya.

Justeru, beliau berpendapat petugas kesihatan aset utama perkhidmatan kesihatan perlu diberi perhatian sewajarnya termasuk imbuhan setimpal buat perkhidmatan mereka.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu meneliti semula elaan sistem tugas atas panggilan dan keperluan serta kepentingan meneruskan sistem tugas atas panggilan ini dengan sewajarnya.

Padu mengesyorkan supaya JPA meneliti semula pembatalan biasiswa untuk

pelajar perubatan kerana ia memberi kesan kepada pelajar perubatan terutama penuntut golongan B40.

Dr Jafri berkata, pihaknya percaya kerajaan dari semasa ke semasa akan memastikan bahawa segala permasalahan dan permintaan ini diteliti sesuai isu semasa serta diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan ekonomi negara.

"Padu meletak harapan tinggi dan yakin kepada pentadbiran Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan mencari titik nakhah terhadap isu doktor kontrak dan isu yang wujud dalam sektor kesihatan ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaludin menjelaskan meskipun kerajaan ketika pentadbiran lalu berhasrat mengenakan cukai berhubung produk cecair vape, tetapi ia tidak menandatangani warta untuk mengeluarkannya daripada jadual Akta Racun 1952.

Ini kerana pendiriannya dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini, mengatakan satu akta baharu perlu digubal terlebih dahulu bagi memastikan sebarang risiko yang berpunca daripada produk itu dapat diatasi sekiranya pengecualian dibuat.

"Pendirian saya dan KKM sebelum ini, adalah mesti ada akta baharu untuk sambutan tindakan itu. Jika tidak ada akta baharu, berlaku lacuna (kelompengan) dalam



Pendirian saya dan KKM sebelum ini, adalah mesti ada akta baharu untuk sambutan tindakan itu"

Khairy

'Sekarang *free for all*': Khairy

Pengecualian tanpa akta baharu sebabkan tiada tindakan boleh diambil terhadap penjualan vape

undang-undang kerana vape tidak dapat dikawal langsung.

"Disebabkan itu kami bawa Akta Kawalan Merokok, tetapi tak sempat diluluskan," katanya menerusi ciapan twitter, malam kelmarin.

Ini berikutan kerajaan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik (e-rokok) pada kadar 40 sen setiap mililitr (ml).

Pelaksanaan cukai itu diumumkan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan

kelmarin oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan.

Sementara itu, warta dikeluarkan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa menyatakan, tampalan, cecair dan gel nikotin untuk membantu menghentikan tabiat merokok kini dikesualikan daripada Akta Racun 1952.

Dalam pada itu, Khairy berkata, kewujudan akta ba-

haru itu membolehkan produk nikotin dalam vape dikesualikan berikutan ada akta yang mengawalinya.

"Namun apabila terbalik, pengecualian diberi sebelum akta baharu, jadi tiada tindakan boleh diambil terhadap penjualan dan pemasaran vape.

"Sekarang *free for all* (bebas kepada semua). Saya harap KKM membawa Rang Undang-Undang (RUU) kawalan merokok dengan segera untuk menutup lacuna ini demi kesihatan awam," katanya.

Terdahulu, dalam kenyataan, Dr Zaliha dipetik berkata, satu RUU baharu untuk mengawal selia produk dan peranti rokok akan diperkenalkan pada sesi Parlimen akan datang.

RUU berkenaan merangkumi peruntukan yang memastikan kawalan menyeluruh ke atas nikotin dalam cecair dan gel yang digunakan dalam e-rokok dan vape.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Pemuda UMNO mahu hantar surat bantahan kepada PM, TPM

Tarik keputusan isu cecair vape

PETALING JAYA – Kerajaan digesa menarik semula keputusan mengeluarkan cecair vape yang mempunyai nikotin daripada Akta Racun sehingga Parlimen meluluskan rang undang-undang kawalan produk tembakau.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Dr. Akmal Saleh berkata, mengeluarkan nikotin dari senarai Akta Racun supaya kerajaan boleh mengenakan cukai ke atas cecair vape juga bukan satu tindakan bijak ketika ini.

Menurut beliau, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu melaksanakan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 sebelum mengeluarkan nikotin daripada senarai Akta Racun.

"Kami mendesak sekeras-kerasnya agar cadangan yang dikemukakan ini dapat diambil secara serius oleh KKM kerana kesihatan rakyat adalah perkara yang paling utama bagi kami.

"Surat bantahan secara rasmi



KERAJAAN akan mengenakan cukai produk cecair atau gel vape pada Belanjawan 2023.

akan kami hantar kepada Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan dalam masa terdekat agar penjelasan dapat diberikan dan tindakan awal dapat dilaksanakan," katanya dalam satu hanta-

ran di Facebook semalam.

Jelasnya, implikasi terhadap kesihatan rakyat dalam jangka masa yang panjang adalah jauh lebih penting berbanding keuntungan yang diperoleh hasil

daripada pungutan cukai ke atas cecair vape.

KKM kelmarin menyatakan akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) baharu di Dewan Rakyat Mei depan bagi mengawal sediaan nikotin dalam cecair rokok elektronik atau vape.

Pembentangan RUU itu dijangka dapat dilakukan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas akan datang.

Pada Belanjawan 2023 lalu, kerajaan memutuskan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Malah, kerajaan juga bersetuju mewartakan duti eksais bagi cecair vape dengan kandungan nikotin pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) dalam usaha mengenakan cukai produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

DILEMA

KEMENTERIAN KESIHATAN

Kebimbangan isu vape

KEPUTUSAN kerajaan mengeluarkan produk cecair atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952 dan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) mengundang kritikan ramai yang bimbang akan menyebabkan ketagihan orang muda terhadap peranti itu.

Mogok doktor kontrak

KIRA-KIRA 13,000 doktor kontrak akan mengadakan mogok selama tiga hari bermula hari ini kerana tidak berpuas hati tuntutan mereka tidak dilayan meskipun kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu doktor kontrak.

MUKA 2, 3, 4 & 5

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Tangguhkan dulu pelaksanaan

Pewartaan pengecualian produk cecair vape daripada Akta Racun dilakukan tergesa-gesa

SHAH ALAM

Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) mencadangkan kerajaan menarik balik atau menangguhkan dahulu pelaksanaan pengecualian produk cecair atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang berkata, walaupun pengecualian itu telah diwartakan, pelaksanaannya masih boleh ditangguhkan sehingga Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat.

Katanya, ia kerana jika tiada lagi kawalan, cecair vape boleh ditambah dengan apa saja bahan terlarang yang seterusnya meningkatkan risiko berlakunya penyalahgunaan dadah atau bahan terlarang lain sekali gus akan mengakibatkan kes ketagihan dadah menjadi lebih parah.

"Sekiranya tiada kawalan terhadap paras nikotin dalam cecair

vape juga, paras nikotin boleh menjadi sangat tinggi. Sekarang telah ada di pasaran vape yang mengandungi paras nikotin sehingga 50 miligram per mililiter (mg/ml) jadi risiko keracunan dan ketagihan akan meningkat.

"Selain itu, ketiadaan kawalan terhadap bahan perisa dan bentuk peranti vape juga boleh menarik perhatian kanak-kanak. Ketika ini sudah ramai kanak-kanak yang sudah mula menghisap vape di luar sana dan gejala ini menjadi satu masalah besar pada pihak sekolah bila ia berlaku di kawasan sekolah. Ia sukar dikesan oleh pihak sekolah maka telah wujud kluster penghisap vape baharu," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Ahad.

Kerajaan dilaporkan mengeluarkan produk cecair atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952 dan mengenakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik (e-rokok) pada kadar 40 sen setiap ml berkuat kuasa 1 April.

Notis pewartaan kerajaan persatuan itu dikeluarkan pada Sabtu oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri



AMRAHI

Anwar Ibrahim.

Ditanya lanjut tentang keputusan kerajaanewartakan perkara itu lebih awal tanpa sempat akta baharu berkaitannya digubal, Amrahi berkata, keadaan itu sangat mendukacitakan.

"Pewartaan pengecualian produk cecair atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952 ini telah dilakukan dengan tergesa-gesa. Sepatutnya ia dilakukan secara tertib dan teratur demi kepentingan semua pihak yang terlibat.

"Akibat keputusan ini, vape ini tidak dikawal oleh mana-mana akta dan peraturan-peraturan seperti rokok biasa. Maka tiada kawalan langsung terhadap bahan nikotin yang bersifat racun," tegasnya.

Berikutan itu, Amrahi mengesyorkan pewartaan pengecualian produk cecair atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952 ditangguhkan sehingga Dasar Generasi Penamat (GEG) dilaksanakan untuk menghentikan ancaman ketagihan nikotin demi kebaikan generasi akan datang.

"Bebaskan negara daripada ketagihan nikotin yang merbahaya ini. Jadi penggubalan Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok perlu disegerakan oleh kerajaan dan disokong oleh semua ahli Parlimen," ujarnya.

Implikasi kesihatan rakyat lebih penting

SHAH ALAM - Kementerian kesihatan perlu menarik semula keputusan mengeluarkan cecair vape yang mengandungi nikotin daripada senarai Akta Racun 1952.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, ia bukan satu tindakan yang wajar dan bijak untuk berbuat demikian semata-mata mahu mengenakan cukai ke atas cecair vape.

"Benar sebelum ini, kesemua cecair vape tidak dapat dikenakan cukai atas sebab ia berada di dalam senarai Akta Racun.

"Namun implikasi terhadap kesihatan rakyat dalam jangka masa yang panjang adalah jauh lebih penting daripada keuntungan diperoleh hasil pungutan cukai ke atas cecair vape," jelasnya dalam kenyataan pada Ahad.

Tambah Muhammad Akmal, penarikan cecair yang mempunyai nikotin daripada Akta Racun itu seolah-olah memberi lesen besar membenarkan rakyat Malaysia tidak mengira umur mengambil nikotin tanpa sebarang bentuk garis panduan.

"Oleh demikian, kami mencadangkan keputusan itu ditarik semula sehingga Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok yang akan mewujudkan Generasi Penamat Rokok dan Vape (GEG) yang lahir selepas tahun 2007.

"Rasional terhadap cadangan ini adalah Akta GEG perlu dilaksanakan terlebih dahulu barulah Kerajaan wajar mengeluarkan cecair vape yang bernikotin ini dari Akta Racun agar cukai boleh dikenakan ke atas pengguna tidak tergolong di dalam generasi penamat," ujarnya.

Beliau menegaskan cadangan yang dikemukakan itu dapat dipertimbangkan secara serius oleh kerajaan.

"Saya akan menyerahkan surat berhubung perkara ini, menyatakan bantahan serta cadangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa," katanya.



MUHAMMAD AKMAL



'Golongan muda akan terima kesan buruk'

KOTA BHARU - Pemuda Pas Kelantan menggesa kerajaan menyemak semula pengecualian produk cecair vape atau gel nikotin daripada Akta Racun 1952 dan cukai ke atas produk itu.

Ketuanya, Mohamad Kamal Mohamed berkata, pihaknya khawatir perkara tersebut akan memberi

kesan langsung kepada anak-anak muda terutama melibatkan soal kesihatan dan moral untuk tempoh jangka panjang.

"Pindaan warta ini membolehkan cecair vape yang mengandungi nikotin boleh dijual tanpa sekatan.

"Justeru, atas apa jua kepentingan segera, kerajaan dipohon untuk membuat semakan semula terhadap

pengecualian nikotin yang telah diwartakan atau sekurang-kurangnya ia boleh dibincangkan dalam sidang terbuka seperti Parlimen untuk menilai kesan terhadap rakyat," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Ujarnya, pada masa sama kelulusan itu merencatkan usaha baik kerajaan terhadap mengekang jum-

lah perokok melalui kempen Generasi Penamat Merokok (GEG).

"Kerajaan Anwar-Zahid hari ini seolah merencatkan usaha baik dengan kelulusan berpihak kepada kepentingan cukai.

"Sejarah hitam buat negara dan solidariti buat ahli farmasi dan petugas kesihatan," tegasnya.



MOHAMAD KAMAL

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Enam bulan gubal akta baharu

RUU untuk mengawal selia produk dan peranti rokok dijangka diwartakan tidak lebih dari tempoh berkenaan

SHAH ALAM

Proses penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) atau akta baharu yang dibentangkan di Parlimen kebiasaannya mengambil masa tidak lebih dari enam bulan untuk diluluskan dan diwartakan.

Bagaimanapun, pakar undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood menjelaskan, proses itu turut

bergantung kepada jenis undang-undang yang ingin dilaksanakan.

"Kalau undang-undang itu rumit, mungkin ia ambil masa yang agak lama tapi kalau (draf) undang-undang itu sudah siap sedia dan apabila dibentangkan di kabinet serta

Jemaah Menteri pun tidak ada masalah, tiada bantahan, maka ia boleh (terus) dibentangkan di Dewan Rakyat.

"Katakan sesi ini dibentangkan dan setelah itu dibawa ke sesi Dewan Negara yang selalunya sama waktu dengan Dewan Rakyat, maka selepas diluluskan (dalam Dewan Negara) akan dipersembahkan pula kepada Yang di-Pertuan Agong (Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah) untuk diperkenan.

"Saya rasa tidak ambil masa



NIK AHMAD KAMAL

lebih dari enam bulan (dan), mungkin dalam tempoh dua hingga tiga bulan sudah diluluskan (diwartakan)," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika ditanya tempoh masa diambil untuk proses penggubalan akta baharu berhubung dengan cecair atau gel mengandungi nikotin atau RUU baharu untuk mengawal selia produk dan peranti rokok.

Sementara itu, ditanya sama ada pewartaan pelaksanaan cukai dan pengecualian yang telah dibuat kerajaan boleh ditarik balik, Nik Ahmad Kamal berkata, sesuatu RUU yang tidak dibentangkan dan diluluskan di Parlimen tidak boleh dikuatkuasakan.

Ini kerana katanya, sesuatu akta atau RUU perlu dibawa ke Parlimen terlebih dahulu sebelum diwartakan.



Rakyat tak setuju pengecualian nikotin

SHAH ALAM - Rata-rata rakyat tidak bersetuju dengan langkah kerajaan mengenakan duti produk vape dan pengecualian nikotin daripada Akta Racun 1952.

Peniaga, Sharifah Amira Syed Aris, 27, berkata, pengecualian itu amat tidak wajar dan jangan kerana nak kutip cukai, kesihatan generasi muda terganggu.

Bagi penulis bebas, Khairul Aiman Mat Udin, 27, langkah kerajaan itu dikejutkan memudahkan lagi penjualan cecair vape kepada golongan remaja atau kanak-kanak bawah umur.

Sementara itu, Adib Mudzhar, 26, berkata, tindakan kerajaan itu dilihat tergesa-gesa kerana pengecualian berkenaan diberi sebelum akta baharu diwartakan.

Kementerian Kewangan jamin tingkat kawalan

SHAH ALAM - Kementerian Kewangan memberi jaminan memastikan semua peraturan dan kawalan barangan yang melibatkan rokok elektronik dan vape akan dipertingkatkan bagi mengelakkan ketirisan hasil negara.

"Malah, seperti yang telah dijanjikan dalam pengumuman Belanjawan 2023, separuh daripada hasil duti eksais ini akan diperuntukkan semula kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Media pada Sabtu melaporkan cukai vape berkuat kuasa 1 April 2023 dan melalui pewartaan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023, yang menetapkan cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk vape pada kadar 40 sen bagi setiap mililiter.

Bagaimanapun, perkara itu mendapat reaksi negatif daripada banyak pihak kerana KKM telah mengeluarkan cecair atau gel mengandungi nikotin daripada Akta Racun 1952.

Namun KKM memberi jaminan satu akta baharu akan dibentangkan semasa sidang Dewan Rakyat pada Mei ini.

Dalam pada itu, Kementerian Kewangan berkata, pemalın industri vape, khususnya pengilang tempatan yang mengeluarkan produk cecair atau gel mengandungi nikotin diberi tempoh 1 April sehingga 30 April 2023 untuk mendaftar aktiviti mereka kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

"Pendaftaran awal dalam tempoh yang ditetapkan ini boleh mengelakkan pengilang dikenakan kompaun atas kesalahan lewat berdaftar.

"Pendaftaran awal ini akan memastikan pematuan industri yang menyeluruh serta pengutipan cukai berjalan lancar menjelang bulan Mei 2023," jelasnya.

Pendaftaran pelesenan di bawah Akta Eksais 1976 boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem MyExcise di pautan <https://myexcise.customs.gov.my/myexcise/>.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Enam tuntutan kepada kerajaan

SHAH ALAM - Susulan tindakan mogok yang dijangka dilancarkan di seluruh negara bermula Isnin, kumpulan doktor kontrak membuat enam tuntutan kepada kerajaan melalui Kementerian Kesihatan.

Mogok Doktor Malaysia menerusi hantaran di Instagram memaklumkan, antara tuntutan yang akan dibuat adalah menyerapakan semua pegawai perubatan kontrak ke dalam jawatan tetap tanpa sebarang syarat atau temu duga.

Menurutnya, gaji pokok serta kadar *on call* pakar de-

ngan pegawai perubatan juga perlu dinaikkan iaitu RM40 dan RM100 untuk satu jam.

"Selain itu, kerajaan juga diminta supaya mengatasi masalah kekurangan pakar, pegawai perubatan dan perubatan siswazah dengan segera serta memohon agar mengurangkan khidmat wajib seorang doktor kepada tiga tahun secara automatik tanpa permohonan.

"Kami juga berharap waktu bekerja dan *on call* dapat dikurangkan, tidak melebihi enam kali sebulan serta waktu bekerja sekurang-kurangnya 60 jam seminggu," ujarnya pada

Jumaat.

Terdapat desas-desus akan berlangsung mogok doktor kontrak selama tiga hari yang berakhir pada Rabu ini dan laman Instagram DoctorsMalaysia menggesa doktor kontrak seluruh negara tampil menyertai mogok berkenaan atau meletak jawatan secara beramai-ramai.

Tambah Mogok Doktor Malaysia, pihaknya turut menuntut supaya kerajaan meluluskan penempatan semula ke wilayah asal selepas dua tahun berkhidmat di Sabah, Sarawak dan Labuan tanpa syarat.

Mogok doktor kontrak dengan tema hitam

SHAH ALAM - Mogok doktor kontrak Malaysia yang bertemakan 'Mogok Black Monday' tetap diteruskan pada Isnin hingga Rabu, walaupun dilarang oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mogok doktor Malaysia menerusi hantaran di Instagram meminta semua pihak yang menyokong gerakan yang dilakukan untuk memakai pakaian berwarna hitam.

"Bagi menyokong gerakan kami, ubah gambar profil kepada hitam atau monokrom (kelabu).

"Bukan doktor kontrak pula,

sila datang kerja dengan memakai pakaian hitam. Ambil cuti sakit (MC) atau pelepasan kecemasan (EL) pada 3 hingga 5 Mac ini," katanya.

Pada Ahad, KKM mengingatkan semula mengenai peraturan melarang penjawat awam daripada menyertai perhimpunan haram susulan wujud perancangan daripada doktor kontrak untuk melakukan mogok selama tiga hari bermula Isnin.

Peringatan itu dimuat naik Unit Integriti KKM melalui laman Facebook rasmi kementerian berkenaan pada Sabtu.

GERAKAN MOGOK DOKTOR MALAYSIA

- Dianggarkan seramai 8,000 daripada kira-kira 20,000 pegawai perubatan kontrak (MO) akan menyertai mogok.
- Dijangka diadakan selama tiga hari bermula 3 April hingga 5 April 2023.
- Mogok doktor Malaysia membuat enam tuntutan.
- Kabinet bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi pada 31 Mac bagi menangani isu doktor kontrak.

'Jangan salahkan kami'

Kumpulan doktor kontrak bertegas adakan mogok seluruh negara hari ini

SHAH ALAM

Kumpulan doktor kontrak tidak boleh 'diper-salahkan' apabila melancarkan mogok di seluruh negara selama tiga hari bermula Isnin.

Menurut seorang doktor yang akan sertai mogok tersebut, kegagalan kerajaan dalam mengenal pasti masalah pegawai perubatan kontrak menyebabkan pihaknya bertindak sedemikian.

Maklum sumber itu kepada *Sinar Harian*, mereka sudah memberikan '300 peratus' dalam melaksanakan tugas sebagai benteng pertahanan kesihatan buat negara.

"Dalam hal ini, sebenarnya doktor tidak boleh dipersalahkan.

"Kami penat bekerja, namun masih lagi berlaku penindasan tanpa dibela.

"Apabila kerajaan gagal mendengar permasalahan kami, makanya situasi ini memberi kesan kepada industri kesihatan seperti mengadakan mogok," katanya.

Terdapat desas-desus berlangsungnya mogok doktor kon-

trak selama tiga hari yang berakhir pada Rabu ini dan laman Instagram DoctorsMalaysia menggesa doktor kontrak seluruh negara tampil menyertainya atau meletak jawatan secara beramai-ramai.

Tegasnya lagi, pelbagai cadangan dan idea yang dilontarkan seperti menaikkan kadar *on call*, penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan serta menambah kaitangan bagi meringankan beban petugas kesihatan.

"Namun sejak dari dahulu lagi, ia hanyalah perbincangan tanpa ada sebarang tindakan. Kerajaan dilihat tiada iltizam sama sekali untuk merealisasikan hal ini.

"Masih banyak perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan terutamanya dalam usaha meringankan beban kami setimpal dengan gaji diberikan," ujarnya.

Beliau turut berpandangan, perkhidmatan yang baik dapat diberikan kepada rakyat sekiranya kerajaan turut membela nasib doktor kontrak.

Sementara itu, seorang wakil daripada kumpulan doktor kontrak menjelaskan, mogok tetap diteruskan meskipun selepas kabinet bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi bagi menangani isu dihadapi mereka.

Memetik laporan Astro Awani pada Sabtu, seorang wakil daripada kumpulan di sebalik akaun Instagram @mogokdoktormsia berkata, sudah banyak jawatankuasa dan sesi pertemuan diadakan tetapi masalah tidak lagi diselesaikan.



Para doktor kontrak dipercayai mengadakan mogok selama tiga hari atau meletak jawatan secara beramai-ramai.

"Kami dah kecewa dan hilang kepercayaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Masalah tidak lagi diselesaikan dengan seramai 83 peratus doktor kontrak tidak diberikan jawatan tetap baru-baru ini," kata wakil tersebut yang dikenali sebagai Dr Jamal.

Beliau yang mendakwa bekerja sebagai seorang pegawai perubatan kontrak di ibu negara, menganggarkan antara 10,000 dan 13,000 petugas kesihatan dijangka menyertai mogok itu dalam tempoh tiga hari bermula 3 hingga 5 April.

Katanya, petugas kesihatan dari serata negara telah menyatakan minat untuk menyertai mogok itu, kebanyakannya di

Selangor, Pulau Pinang, Johor, Sabah dan Sarawak.

Sehubungan itu, pihaknya menyeru agar rakyat mendapatkan perkhidmatan di klinik atau hospital swasta sepanjang tempoh tersebut.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dalam satu kenyataan berkata, mogok bukan suatu jalan penyelesaian terbaik bagi menangani sebarang masalah berkaitan pegawai perubatan.

Justeru, pada 31 Mac, jemaah kabinet bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Tertinggi yang menggabungkan beberapa kementerian dan agensi termasuk Ketua Setiausaha Negara bagi menangani isu doktor kontrak.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

KKM larang sertai perhimpunan haram

Peringatan kepada penjawat awam berikutan rancangan doktor kontrak untuk mogok

SHAH ALAM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengingatkan semula mengenai peraturan melarang penjawat awam daripada menyertai perhimpunan haram susulan wujud perancangan daripada doktor kontrak untuk melakukan mogok selama tiga hari bermula Isnin.

Peringatan itu dimuat naik Unit Integriti KKM melalui laman Facebook rasmi Kementerian berkenaan pada Sabtu.

Mengikut hantaran tersebut, berdasarkan Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 30 Jun 2011, penjawat awam dilarang menyertai dalam mana-mana perhimpunan ha-



Sebahagian pengamal perubatan menyertai protes pada tahun 2021.

ram.

Jelas KKM, antara bentuk perhimpunan haram adalah penglibatan aktif di luar masa bekerja, menggunakan masa pejabat dan meninggalkan pejabat untuk melihat dan menyertai perhimpunan.

Selain itu, menggunakan peralatan pejabat seperti mesin cetak, mesin penyalin komputer untuk mencetak dan mengedar risalah berkaitan perhimpunan haram juga dilarang.

"Sekiranya cukup bukti me-

nunjukkan pegawai terlibat dalam kegiatan tersebut, maka pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993) (P.U.A) 395/1993," katanya.

Difahamkan, terdapat kumpulan doktor kontrak akan melancarkan mogok di seluruh negara bermula Isnin hingga Rabu sebagai memprotes isu perjawatan mereka yang masih tergantung.

PADU tidak sokong tindakan mogok doktor kontrak

GEORGETOWN - Persatuan Alumni Doktor Universiti Sains Malaysia (PADU) menyedari isu doktor kontrak ini telah lama dan semuanya bermula dengan kemunculan skim kontrak yang diwujudkan untuk Pegawai Perubatan Siswazah (HO) pada Disember 2016.

Presiden PADU, Profesor Datuk Dr Jafri Malin Abdullah dalam satu kenyataan mengemukakan permasalahan berkisar doktor kontrak telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam masyarakat terutama kepada pihak yang terkesan.

Menurutnya, sebelum ini, PADU juga telah terpanggil untuk menyatakan pendirian tentang hal itu sekali gus mengesahkan pihak yang berwajib untuk memandang perkara tersebut sebagai sesuatu yang serius yang perlukan tindakan segera.

Namun, tegasnya timbul satu lagi kebimbangan serius terkini dalam kalangan doktor kontrak, yang mana mereka merancang untuk mengadakan mogok mulai hari ini hingga 5 April 2023.

"Berita mengenai perancangan mogok ini tular di saluran media sosial tetapi, buat masa ini Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak KKM hanya menerima habuan mengenai mogok ini melalui saluran media sosial sahaja.

"PADU tidak menyokong kepada tindakan mogok ini oleh doktor-doktor kontrak amnya, dan juga doktor-doktor kontrak graduan USM," katanya.

Dr Jafri Malin berpendirian tindakan mogok mungkin bukan penyelesaian terbaik kepada sebarang masalah yang timbul mengenai profesion pegawai perubatan atau mana-mana skim profesional lain.

Tegasnya, menganjurkan mogok secara amnya boleh menyebabkan perkhidmatan terjejas selama mana ia dianjurkan.

"Biasanya, ia dianjurkan untuk menyampaikan mesej tertentu kepada pihak yang berkenaan. Tetapi perkara ini perlu ditimbang dengan teliti.

"Perkhidmatan kesihatan adalah perkhidmatan kritikal kerana ia melibatkan nyawa manusia dan kesejahteraan sejagat," katanya.

Tegas beliau, kebanyakan doktor kontrak merungut tiada hala tuju laluan kerjaya, selain



DR JAFRI MALIN

sistem kontrak yang ditawarkan masih tidak jelas dan tiada ketelusan.

Dr Jafri Malin berkata, perkhidmatan kesihatan di negara ini perlu dianggap sebagai sektor yang kritikal, begitu juga bagi petugas kesihatan.

"Ini disebabkan oleh kompleksiti sektor ini, cabaran, risiko dan jerih perih yang perlu dihadapi oleh anggota kesihatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka," katanya.

Justeru, beliau berpendapat petugas kesihatan merupakan aset utama perkhidmatan kesihatan yang perlu terus diberi perhatian sewajarnya termasuk imbuhan setimpal buat perkhidmatan mereka.

Katanya lagi, pihak KKM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), hendaklah meneliti semula elan sistem tugas atas panggilan dan keperluan serta kepentingan untuk meneruskan sistem tugas atas panggilan ini dengan sewajarnya.

"Tanpa sistem kesihatan yang utuh dan warga kerja perkhidmatan kesihatan yang terus memberikan perkhidmatan, tidak mungkin negara boleh terus maju ke hadapan.

"Pihak JPA pula hendaklah meneliti semula pembatalan blaiswa untuk pelajar perubatan. Ia sangat memberi kesan kepada pelajar-pelajar perubatan, terutama golongan B40," tambahnya.

Beliau percaya, kerajaan dari masa ke masa akan memastikan segala permasalahan dan permintaan ini diteliti sesuai dengan isu semasa serta diberi penyelesaian sewajarnya berdasarkan kepada kemampuan ekonomi negara.

Dr Jafri Malin berkata lagi, PADU meletakkan harapan tinggi dan yakin pentadbiran Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa akan mencari titik nakh terhadap nasib doktor kontrak dan beberapa isu yang wujud dalam sektor kesihatan ini.

Hakikatnya, beliau berkata, isu ini tidak boleh diselesaikan secara sendiri oleh KKM, sebaliknya memerlukan penyelesaian integrasi membabitkan semua Kementerian berkaitan lain.

Risau tiada doktor di klinik kesihatan

SHAH ALAM - Rata-rata orang ramai mengakui berasa amat bimbang apabila sekumpulan doktor kontrak yang kini berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mahu melancarkan 'mogok' di seluruh negara bermula hari ini.

Seorang kakitangan swasta, Damia Nursyaza Zulkafli Hashim, 29, berkata, tindakan itu boleh menyebabkan perkhidmatan di klinik kerajaan terjejas.

"Cuba bayangkan kalau ribuan doktor mogok untuk beberapa hari, bagaimana pula dengan pesakit yang dikendalikan mereka. Semua itu perlu difikirkan.

"Namun, saya tidak salahkan doktor, siapa tahan kalau sudah lama bekerja tetapi tidak mendapat jawatan tetap. Mereka juga mempunyai hak yang perlu ditegakkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Bagi pelajar, Noor Hiedayah Ahmad, 25, kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian yang terbaik sebelum kehilangan lebih ramai doktor.

"Jika hospital kerajaan ke-



DAMIA NURSYAZA



NOOR HIEDAYAH



NOR IZATUL AKMAL

kurangan doktor, saya pasti ia akan menyusahkan rakyat terutamanya golongan yang tidak berkemampuan. Contohnya, perlu menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

"Oleh itu, kerajaan perlu mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah ini kerana ia melibatkan kebajikan rakyat," ujarnya.

Tegas Noor Hiedayah, tindakan mogok itu mungkin jalan terakhir bagi doktor kontrak apabila suara dan kehendak mereka tidak didengar.

"Saya percaya mereka sudah mengikut saluran yang betul sebelum ini, namun apabila luahan

itu tidak diendahkan oleh kerajaan, jalan terakhir adalah mogok," katanya.

Sementara itu, Nor Izatul Akmal Mohd Amin, 33, berpendapat, jika perkara itu berterusan, ia bukan sahaja mengganggu pihak hospital atau klinik kerajaan tetapi turut membebankan rakyat.

"Saya mempunyai ibu bapa yang memerlukan rawatan di hospital kerajaan. Kalau doktor kurang, dikhawatirkan akan menjejaskan sesi tersebut.

"Ia akan mengganggu jadual urusan kerja kami sebagai pekerja untuk mengambil cuti lain," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : CETUSAN

Kontroversi 8,000 doktor kontrak letak jawatan beramai-ramai

DARIPADA
AKHBAR-
AKHBAR TAMIL

JAGATHESWARY NARAYANAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) digemparkan dengan isu kira-kira 8,000 pegawai perubatan kontrak di negara ini bakal mengambil keputusan untuk meletak jawatan secara beramai-ramai sebagai tanda protes dan mendesak kerajaan akur kepada beberapa tuntutan mereka.

Menurut akhbar harian Tamil, *Malaysia Nanban*, isu kontroversi melepaskan jawatan dalam kalangan pegawai perubatan itu sememangnya akan membawa implikasi agak serius kepada operasi kesihatan di hospital dan klinik kerajaan.

Malaysia Nanban menegaskan pi-

hak KKM dan kerajaan wajar membuka ruang untuk melaksanakan tuntutan dan mendengar luahan para doktor itu bagi mengelakkan impak buruk kepada sektor kesihatan tempatan.

Para doktor telah sekian lama mengetengahkan isu-isu dihadapi golongan itu antaranya implementasi pelantikan jawatan tetap kepada kesemua doktor kontrak tanpa sebarang syarat atau temu duga dan kenaikan gaji pokok serta kadar elaun *on call* yang lebih tinggi.

Mereka juga meminta solusi untuk masalah kekurangan doktor pakar dan pengurangan secara automatik dalam tempoh perkhidmatan wajib bagi pegawai perubatan kepada tiga tahun.

Selain itu, desakan turut melibatkan pengurangan waktu panggilan dan kerja untuk doktor dan pegawai rumah serta waktu panggilan tidak boleh melebihi enam kali sebulan dan waktu bekerja perlu dihadkan kepada 60 jam seminggu.

Malaysia Nanban berkata, tuntutan

-tuntutan itu bagaikan terbiar begitu sahaja tanpa sebarang jalan penyelesaian yang muktamad sehingga hari ini.

Sedangkan pada fasa pandemik Covid-19, golongan doktor itu pernah mengadakan mogok untuk menyedarkan pihak berkuasa untuk mengambil langkah penyelesaian terbaik.

Bagaimanapun senario pada kali ini pula menyebabkan 8,000 daripada 20,000 doktor bertindak secara ekstrem untuk meletak jawatan secara beramai-ramai di mana 3,000 akan melepaskan kerja mereka pada 1 April selebihnya pula tidak akan hadir bekerja dari 3 hingga 5 April ini.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberi harapan baharu kepada golongan doktor berkenaan dengan menyatakan pihak kerajaan perpaduan memerlukan tempoh kira-kira tiga tahun untuk menyelesaikan isu dan tuntutan itu.

Anwar juga telah memberi jaminan seramai 1,500 doktor kontrak ditawarkan jawatan tetap.

Jelas Anwar, isu pelantikan tetap doktor kontrak itu sukar diselesaikan dalam tempoh setahun kerana jika kerajaan bertindak terburu-buru dan menawarkan pelantikan jawatan tetap kepada kesemua doktor, ia akan membebankan ekonomi negara.

Dalam pada itu, *Malaysia Nanban* berpendapat, golongan doktor itu terpaksa mendesak kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka disebabkan warga perubatan itu berasa kesetiaan, kepercayaan, kelayakan akademik dan usaha murni tidak mendapat penghargaan setimpal.

Sebaliknya, golongan itu saban hari dibebankan dengan longgokkan kerja yang menjangkau kapasiti fizikal dan intelek mereka. Kini Malaysia semakin kehilangan pakar perubatan dan ramai doktor mula berhijrah ke luar negara untuk menjana pendapatan dan 'penghormatan' yang lebih baik.

* Jagatheswary Narayanan ialah penulis bebas di Johor

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Mogok Doktor Malaysia bermula

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Mogok Doktor Malaysia yang berlangsung selama tiga hari bermula pagi ini akan menjejaskan operasi di hospital dan klinik kesihatan kerajaan sekiranya lebih 8,000 doktor kontrak tidak hadir bertugas.

**Bakal jejas operasi
146 hospital
awam, 2,892
klinik kerajaan**

Tindakan mogok itu tidak akan berlaku sekiranya kerajaan lebih awal menyelesaikan

beberapa isu tuntutan termasuk penyerapan pegawai perubatan kontrak ke jawatan tetap, kenaikan gaji pokok, kadar *on-call* lebih tinggi dan pengurangan automatik dalam tempoh perkhidmatan wajib bagi pegawai perubatan kepada tiga tahun.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Mogok

Doktor Malaysia memberitahu, tiada demonstrasi atau tunjuk perasaan akan diadakan, sebaliknya doktor kontrak tidak akan hadir bertugas iaitu merupakan satu-satunya tindakan mogok dijalankan pihaknya selama tiga hari sehingga Rabu.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Mogok Doktor Malaysia bermula

Dari muka 1

Tegasnya, tiada satu pihak yang boleh menghentikan hasrat mereka bagi melakukan mogok tersebut meskipun menerima pelbagai desakan oleh segelintir pihak tertentu.

"Kami tidak akan diperminkan oleh agenda percaturan sang penguasa politik yang berkali-kali dalam isu ini.

"Oleh demikian kami menganjurkan mogok ini sebagai tanda bantahan terhadap sikap kerajaan yang masih belum menyelesaikan beberapa isu tuntutan yang dihadapi lebih ribuan pegawai perubatan doktor kontrak," katanya ketika dihubungi semalam.

Kumpulan yang dikenali Mogok Doktor Malaysia itu tetap dengan pendirian melancarkan mogok di seluruh negara bermula hari ini sehingga Rabu meskipun berdepan risiko dikenakan tindakan tatar-tertib.

Selain itu, tindakan tersebut juga bakal melumpuhkan sektor kesihatan terutamanya di wad kecemasan hospital kerajaan.

Mereka mengambil pendirian itu kerana kerajaan masih membisu berhubung beberapa isu termasuklah masalah lantikan ke jawatan tetap yang berlarutan lebih tujuh tahun.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah memaklumkan, tindakan mogok itu bukan jalan penyelesaian terbaik dan mungkin menyebabkan perkhidmatan kesihatan negara terjejas.

Tindakan itu kata beliau, perlu dipertimbang teliti kerana



MOGOK Doktor Malaysia dijangka menjejaskan operasi 146 hospital awam dan 2,892 klinik kerajaan. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

perkhidmatan kesihatan adalah satu perkhidmatan kritikal membabitkan nyawa manusia dan kesejahteraan rakyat.

Mengulas perkara berkenaan, kata jurucakap, pihaknya berharap tindakan mogok tersebut tidak menimbulkan satu perkara serius termasuk boleh mengorbankan nyawa kerana sudah diuar-uarkan lebih awal kepada orang ramai yang pergi hospital dan klinik swasta untuk mendapat rawatan.

"Bukan tanggungjawab kami jika ada kemalangan jiwa berlaku kerana kami mengambil cuti sebagai tanda protes," katanya.

Menurutnya, mogok itu berlangsung di 146 hospital awam dan 2,892 klinik kerajaan kesihatan di seluruh negara.

Sementara itu, doktor kontrak yang hanya mahu dikenali sebagai Siti berkata, tujuan pi-

haknya menyertai mogok tersebut bukanlah demi kepentingan diri, sebaliknya untuk mengangkat sistem kesihatan awam dengan memperjuangkan pembelaan mereka yang dinafikan hak untuk mendapat banyak faedah seperti pegawai perubatan tetap.

Katanya, mereka mengetahui impak mogok itu kepada perjalanan operasi sektor kesihatan awam seluruh negara yang bakal terkesan sekiranya lebih 8,000 doktor kontrak menyertai mogok selama tiga hari.

"Semua gaji dan hak tidak setimpal dengan pengorbanan sepanjang bertugas. Sebab itulah ramai dalam kalangan kami lari daripada kerajaan dan menyertai sektor swasta.

"Jika perkara ini berterusan, yang sengsara adalah rakyat sendiri kerana kurang doktor," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tubuhkan segera Suruhanjaya Kesihatan

Oleh MAISARAH SHEIKH
RAHIM dan JUANI MUNIR
ABU BAKAR
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa menubuhkan Suruhanjaya Kesihatan dengan kadar segera, bukannya menunggu sehingga kertas putih kesihatan dibentangkan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Ahli-Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN), Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi berkata, suruhanjaya itu juga perlu berfungsi secara aktif bagi melakukan reformasi kesihatan awam negara.

Katanya, kerajaan tidak boleh memandang ringan isu dihadapi doktor kontrak yang sudah tidak mampu bersabar kerana sudah bertahun-tahun menunggu termasuklah menanti pembentangan kertas putih kesihatan pada Jun ini.

"Kami amat memahami perasaan, keluhan dan pengorbanan yang telah dilakukan anggota-anggota kesihatan. Telah bertahun keluhan demi keluhan disuarakan, kerajaan silih

berganti, namun masalah yang membelenggu sektor kesihatan masih tidak dapat diselesaikan," katanya.

Menyentuh mogok itu, Ahmad Yunus berkata, pihaknya berpendirian kebajikan dan keadilan kepada anggota kesihatan adalah teras utama dalam usaha untuk mencapai sistem kesihatan yang baik dan cemerlang.

Katanya, kerajaan diingatkan supaya jangan pula dihukum kakitangan awam yang terlibat dengan mogok tersebut.

"Dalam masa yang sama, kami juga menasihati peserta mogok agar menjaga diri masing-masing supaya dapat terus berkhidmat untuk rakyat. Kami percaya, cetusan rasa ini didorong oleh rasa cinta pengamal kesihatan awam untuk terus berbakti kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, tanggungjawab ini harus juga diselesaikan bersama pihak pembangkang demi kelangsungan perkhidmatan kesihatan negara yang lebih baik.

Sementara itu, pengamal

perubatan, Dr. Tan Seng Giaw berkata, kerajaan perlu menambah baik sistem petugas perubatan supaya lebih adil dan mampu membela nasib kumpulan kerja profesional itu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, beliau berkata, masalah doktor kontrak yang sudah menjangkau bertahun-tahun menyebabkan ribuan doktor menghadapi kesukaran sehingga ramai beralih ke sektor swasta atau berhijrah ke negara lain.

Keadaan itu, menurut beliau, mengakibatkan kerugian kepada institusi kesihatan negara dan berlaku situasi lebih buruk kerana kekurangan tenaga kerja untuk menampung jumlah pesakit ramai.

Bekas Ahli Parlimen Kepong itu berkata, permasalahan tersebut bukan sahaja melibatkan peruntukan perbelanjaan lebih besar tetapi satu bentuk penyelesaian menyeluruh dengan merombak kepincangan sistem yang tidak membela nasib kumpulan doktor kontrak.

"Kalau kita ada sistem lebih adil, tak kira siapa doktor itu,

jika syaratnya tidak boleh memilih lokasi kerja maka wajib berkhidmat mengikut tempoh tertentu. Sedangkan kita tahu ada antara mereka dilayan tidak adil dan tindakan pilih kasih," katanya di sini semalam.

Penganjur kempen mogok doktor kontrak dikenali Mogok Doktor Malaysia menasihatkan orang awam supaya tidak mengunjungi hospital awam dan klinik-klinik kesihatan mulai esok (Isnin) hingga Rabu ini kerana mereka berkemungkinan terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

Mereka mendakwa lebih 8,000 doktor kontrak akan mengadakan protes dengan mengambil cuti perubatan atau kecemasan secara beramai-ramai sebagai menentang sistem tidak adil dan gaji di paras rendah.

Seng Giaw berharap para doktor kontrak tidak melakukan mogok kerana ia menyusahkan rakyat dan pesakit dan dalam masa sama, kerajaan perlu berunding dan dapatkan satu kompromi supaya tindakan mogok tidak berlaku.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Kembalikan cecair vape di bawah Akta Racun - Pemuda UMNO

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
 dan HADI AB. MANAP
 utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan digesa menarik semula keputusan mengeluarkan cecair vape mempunyai nikotin daripada Akta Racun 1952 yang disifatkan satu tindakan yang tidak wajar dan bijak.

Ketua Pemuda UMNO, Dr. Muhammad Akmal Saleh menegaskan, ketetapan itu perlu dinilai sehinggalah Parlimen meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok yang akan mewujudkan Generasi Penamat



MUHAMAD AKMAL SALEH

Rokok dan Vape (GEG) yang lahir selepas tahun 2007.

Beliau menjelaskan, langkah itu supaya kesan buruk jangka masa panjang akibat penggu-

naan vape terhadap kesihatan rakyat dapat dikurangkan.

"Rasional terhadap cadangan ini adalah Akta GEG perlu dilaksanakan terlebih dahulu, barulah kerajaan wajar mengeluarkan cecair vape yang bernikotin ini daripada Akta Racun.

"Ia agar cukai tinggi boleh dikenakan ke atas pengguna tidak tergolong dalam generasi penamat untuk mengurangkan kadar penggunaan vape dalam kalangan masyarakat," katanya semalam.

Menurut Dr. Muhammad Akmal, penarikan cecair yang mempunyai nikotin daripada Akta Racun ini seolah lesen be-

sar untuk membenarkan rakyat Malaysia tanpa mengira umur untuk mengambil nikotin tanpa sebarang bentuk garis panduan.

"Kebimbangan Pemuda UMNO Malaysia sekiranya tiada garis panduan yang jelas, ia memberikan kesan yang besar khususnya kepada golongan muda untuk terdedah kepada pengambilan nikotin tanpa kawalan," katanya.

Jelas Dr. Muhammad Akmal, pihak Pemuda UMNO berpendirian tegas agar cadangan yang dikemukakan itu dapat dipertimbangkan secara serius oleh Kementerian Kesihatan.

Beliau menegaskan akan menyerahkan surat berhubung perkara ini dan menyatakan bantahan serta cadangan kepada Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan.

"Benar sebelum ini, kesemua cecair vape tidak dapat dikenakan cukai atas sebab cecair vape yang mempunyai nikotin ini berada di dalam senarai Akta Racun.

"Akan tetapi implikasi terhadap kesihatan rakyat dalam jangka masa yang panjang adalah jauh lebih penting dari keuntungan yang diperoleh hasil dari pungutan cukai ke atas cecair vape ini," katanya.

Operasi hospital kerajaan terjejas

PETALING JAYA: Tindakan kumpulan Mogok Doktor Malaysia untuk tidak hadir bertugas selama tiga hari sehingga Rabu akan menjejaskan operasi seluruh hospital kerajaan khususnya di wad kecemasan akibat kekurangan tenaga kerja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim), Dr Boi Saidi Abd Razak berkata, pihaknya bimbang tindakan itu boleh mengakibatkan waktu menunggu pesakit akan menjadi lebih lama sekali gus menyebabkan orang ramai lambat diberikan rawatan.

"Tempoh tiga hari adalah terlalu lama apatah lagi melibatkan ribuan doktor kontrak. Saya pun tidak tahu jumlah sebenar mereka terlibat, tapi kalau sehingga 8,000 doktor, ia akan menjejaskan operasi rawatan hospital.

"Namun saya pasti Kementerian Kesihatan sudah mempunyai tindakan susulan bagi mengatasi masalah yang dijangka berlaku ini," katanya ketika dihubungi.

Satu kumpulan yang dikenali Mogok Doktor Malaysia tetap dengan pendirian

melancarkan mogok di seluruh negara bermula hari ini sehingga Rabu meskipun berdepan risiko dikenakan tindakan tatatertib di samping bakal melumpuhkan sektor kesihatan terutamanya di wad kecemasan hospital kerajaan.

Mereka mengambil pendirian itu kerana kerajaan masih membisu berhubung beberapa isu termasuklah masalah lantikan ke jawatan tetap yang berlarutan lebih tujuh tahun.

Dalam pada itu, Dr Boi Saidi berharap, kumpulan terlibat dan kerajaan dapat berkompromi dengan isu dan hak doktor kontrak dengan tidak mengabaikan soal nyawa orang ramai yang mendapatkan rawatan di hospital pada setiap waktu.

Katanya, doktor terlibat perlu memikirkan masa depan meskipun berstatus kontrak, namun mereka harus mengambil kira kesan jangka panjang nasib sebagai pengamal perubatan.

"Jika kedua-dua berkompromi, kita berpandangan isu ini dapat diatasi dengan situasi menang-menang antara kedua-dua pihak," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : DALAM NEGERI



PEGAWAI perubatan kontrak sedia tidak dimasukkan ke dalam skim pencen jika itu yang diperlukan untuk diserap ke jawatan tetap.

KWSP ganti pencen

Oleh MARLISA ANTONY
 marlisa.antonny@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) boleh menggantikan skim pencen sekiranya ia merupakan isu utama doktor kontrak tidak boleh diserap ke jawatan tetap.

Wakil Hartal Doktor Kontrak (HDK) yang tidak mahu dikenali berkata, pihaknya sudah mencadangkan penyelesaian ini sejak Julai 2021 kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Tetapi jawapan mereka (KKM) adalah 'kalau nak tukar kepada KWSP kena ubah Akta Pencen terlebih dahulu dan perkara ini memerlukan kelulusan Parlimen'.

"Hampir dua tahun selepas itu, isu yang sama dibincangkan tanpa sebarang kemajuan dan sampai sekarang masih tidak diusulkan di Parlimen lagi.

"Takkan perbincangan baru akan dimulakan, jadi bila keputusan akan diambil dan dibentangkan ke Parlimen? Berapa tahun lagi akan mengambil masa untuk melaksanakan perkara ini?

"Bagaimanapun, kita sambut baik pengumuman menteri dan diharap akan dilaksanakan cepat dan bukan hanya cakap kosong semata-mata untuk menghalang mogok," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya sedang menangani bebanan tugas

yang melebihi kapasiti sumber sedia ada serta mengurangkan beban skim berpencen ditanggung negara ketika ini yang mencecah RM 29.1 billion pada 2021.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Muruga Raj Rajathurai turut mengalu-alukan jawatan tetap tanpa pencen untuk doktor kontrak dan digantikan dengan caruman KWSP.

"MMA pernah mencadangkan perkara ini kepada KKM pada 2019 apabila berunding untuk mendapatkan lebih banyak jawatan tetap untuk doktor kontrak.

"Kami faham bahawa skim pencen adalah beban yang berat tetapi dana untuk persaraan mesti dilakukan juga walau apa cara sekalipun," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEWS / NATION

SUGGESTION TO FORM SPECIAL TEAM

DPM: SPEED UP MA63 TALKS

Four ministries instructed to settle issues before MTPMA63 meeting next month

KUCHING: The Malaysia Agreement 1963 (MA63) technical committee has asked four ministries to pick up the pace in talks with Sabah and Sarawak.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the four were the Finance; Natural Resources, Environment and Climate Change; Education; and Health ministries.

He said all issues must be settled as soon as possible before they could be brought next month to the MA63 Implementation Action Council (MTP-MA63), chaired by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, and the Dewan Rakyat for amendments to be made.

"We have called in representatives of ministries dealing with MA63 and asked them to speed things up."

"The Finance Ministry, for instance, has to table a bill in Parliament that will allow for the ap-

pointment of Inland Revenue Board members for Sabah and Sarawak.

"Administratively, this is being done with IRB representatives from Sarawak and Sabah, but in legal terms, it hasn't been amended yet and this needs to be done during the Dewan Rakyat sitting in May."

Fadillah, who chairs the technical committee, said this after a breaking-of-fast event with Petra Jaya youths in Jalan Matang, here, on Saturday.

He said the Natural Resources, Environment and Climate Change Ministry, meanwhile, needed to finalise issues on state land in Sabah and Sarawak.

"At present, the policy is that any state land handed over to the federal government but hasn't been developed within five years must be handed back to the state government."

"If federal agencies insist on

still keeping the land for use, then they must justify why they want to keep the land."

He said there was still a lot of such land.

However, he said, the federal government had decided that three pieces of land in Sarawak and two in Sabah would be returned to the state governments.

"What we want now is for them (the ministry) to finalise what pieces of land are needed and what can be returned to the state governments."

As for the Education and Health Ministries, the discussions were on whether administrative matters could be handed over completely to the Sarawak and Sabah governments.

"These discussions are between the federal ministries and their counterparts in the state ministries," said Fadillah.

He said most of the policies involving the four ministries had been agreed to in principle, leaving only specific details to be worked out.

So he said he believed that the process could be concluded soon.

Fadillah said: "If there are policies that have not been decided on, then I ask the ministries to form a special team of officers to speed up discussions with the Sabah and Sarawak governments."

"This is so we can complete everything and take it to the MTP-MA63, which has the prime minister, Sarawak premier and Sabah chief minister in it."



Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof (centre) speaking to the media after a breaking-of-fast event with Petra Jaya youths in Kuching on Saturday. PIC BY NADIM BOKHARI

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes • MONDAY, APRIL 3, 2023

4 | NEWS / Nation

'Emulate NZ's smoking harm reduction stance'

KUALA LUMPUR: An association representing e-cigarette users has repeated its call for the government to leave out vape products in the proposed tobacco generational endgame (GEG) law.

The calls by the Vape Consumer Association of Malaysia (VCAM) came on the heels of the Health Ministry's decision to remove nicotine from the Poisons Act 1952, as well as to table the Control of Tobacco Products and Smoking Bill in Parliament next month.

VCAM president Tengku Aslahuddin Ja'afar Tengku Azlan said the government should emulate New Zealand, where vape products were being used as a tobacco harm reduction tool.

"The New Zealand government made headlines last year when it embarked on a 'Quit Smoking' campaign to combat tobacco-related illnesses in the country and uses vape products as an alternative to encourage adult smokers to switch from cigarettes to vape."

"When trying to consider harm reduction for vape products, the (Malaysian) government should categorise vape products separately from cigarettes and other tobacco products."

"Harm reduction must be based on sufficient scientific data, especially when multiple independent local and international studies show that vape has been proven to be less harmful than smoking (conventional cigarettes) and is effective in

helping smokers kick the habit," he said.

On Saturday, Health Minister Dr Zaliha Mustafa said the Control of Tobacco Products and Smoking Bill would be tabled to ensure comprehensive control over nicotine-laced products, including vape liquids.

She said her ministry conducted an engagement session with all stakeholders, including parliamentarians, non-governmental organisations and professional bodies, on the policies that have been placed under the new bill that included GEG provisions.

When trying to consider harm reduction for vape products, the (Malaysian) government should categorise vape products separately from cigarettes and other tobacco products.

TENGKU ASLAHUDDIN JA'AFAR TENGKU AZLAN
Vape Consumer Association of Malaysia president

dence for recommendations on vape products before drafting and finalising the regulations."

On the delisting of nicotine from the Poisons Act to pave the way for the regulation of vape products, Tengku Aslahuddin said it was step in the right direction.

